



#LensaNegaraku

NAJIBRAZAK.COM

04 Januari, 2018

Dalam satu sesi sembang santai bersama rakan-rakan online yang terdiri daripada [jurugambar dan personaliti media sosial popular tahun lalu](#), saya berpeluang melihat karya-karya mereka, dan berasa cukup kagum dengan kreativiti serta bakat mereka menunjukkan satu sisi Malaysia yang unik dan cantik, menerusi kaca mata mereka.

Bertitik-tolak dari situ, saya mencadangkan supaya satu platform khas diwujudkan bagi membolehkan mereka berkongsi bakat, kreativiti serta hasil kerja mereka.

Maka dengan itu, lahirlah [#LensaNegaraku di laman 1Malaysia.com.my](#), di mana anak-anak muda cukup berbakat ini bukan sahaja berkongsikan foto-foto hasil karya mereka, tetapi lebih daripada itu, bagi membolehkan mereka berkongsi kepada semua keunikan dan keindahan Malaysia dari kaca mata dan lensa mereka.

Saya mengajak anda semua untuk sama-sama mengikuti pengembaraan mereka ini melalui laman www.1malaysia.com.my/lensanegaraku dan juga di [Instagram 1Malaysia](#), semoga dengan itu kita dapat sama-sama lebih menghargai bumi bertuah Malaysia ini.

#LensaNegaraku

#NegarakuKebanggaanku

© 2017 NajibRazak.com. Hak Cipta Terpelihara

Source: <https://www.najibrazak.com/bm/blog/lensanegaraku/>